

Permusuhan Itu KEZALIMAN

Sekiranya benar ingin bermusuhan, bermusuhlah dengan musuh di dalam hati iaitu nafsu amarah dan hawa nafsu bukan bermusuhan dengan seorang Mukmin.

Firman Allah SWT: "Sesungguhnya orang-orang beriman itu bersaudara. Maka damaikanlah (perbaikilah hubungan) antara kedua-dua saudaramu itu." (Al-Hujurat 49: 10)

Sifat keras kepala di dalam diri individu ditambah rasa dengki dan merasakan hanya diri sendiri sahaja yang betul sering menyebabkan permusuhan berlaku di kalangan orang Mukmin. Sedangkan perpecahan dan dendam sesama Mukmin merupakan suatu perkara keji dan ditolak di dalam agama Islam. Hakikatnya ia adalah suatu kezaliman.

Andainya di dalam sebuah kapal terdapat sembilan orang yang baik tidak melakukan kesalahan dan bersama mereka seorang penjenayah, lalu seseorang telah berusaha menenggelamkan kapal tersebut, sudah pasti tindakan ini merupakan suatu bentuk kezaliman yang dahsyat. Ia patut dihalang serta diumumkan sekuat-kuatnya bahawa ada kezaliman yang sedang berlaku. Seperti juga di dalam sebuah rumah ada sembilan orang yang baik dan hanya seorang

penjenayah, tiba-tiba ada yang ingin membakar rumah itu sudah pasti ia juga suatu kezaliman.

Malah andai hanya ada seorang yang baik, manakala sembilan yang lain ialah penjenayah, tetapi perbuatan menenggelamkan kapal atau membakar rumah itu merupakan suatu kezaliman.

LIHAT KEBAIKAN YANG BANYAK

Begitulah lambang diri seorang Mukmin, ia umpama sebuah kapal atau sebuah rumah. Di dalam dirinya bukan hanya sembilan sifat kebaikan sebaliknya puluhan sifat seperti iman, Islam, menunaikan solat, berpuasa, beriman dengan Baginda Rasul SAW serta mengasihi Baginda, kejiranan yang baik, seorang ayah atau ibu yang baik kepada anak-anaknya, mungkin beliau seorang yang suka bersedekah atau membantu orang lain. Jadi, sekiranya seseorang itu dibenci atau dimusuhi hanya kerana suatu kesilapan atau kejahatannya yang memberi mudarat dan tidak disenangi oleh hati, lalu bertindak untuk memusnahkan, membakar atau mengkaramkan tubuh maknawi tersebut, dengan bermasam muka dan tidak bertegur sapa maka itulah satu kezaliman yang amat teruk. Ditambah dengan mengumpat dan menceritakan keburukannya kepada orang lain ataupun berusaha menjatuhkannya.



Noor Azma Mohamad Khassim

Tutor di Fakulti Pengajian Quran Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya dan Sarjana Ilmu Wahyu, Universiti Islam Antarabangsa.
E-mel: noorazma@gmail.com

Sifat baik di dalam diri seorang Mukmin seperti Islam dan juga iman itu nilainya amat besar. Islam dan iman di dalam diri Mukmin setaraf dengan nilai kehormatan Kaabah dan Bukit Uhud. Jadi, pergaduhan kecil atau kekurangan seorang saudara Mukmin yang membuatkan hati kita marah dan tidak berpuas hati itu hanyalah umpama batu-batu kecil berbanding keagungan Kaabah dan Bukit Uhud. Alangkah peliknya kekurangan seseorang Mukmin yang menjadi punca permusuhan, yang sedikit dan kecil lebih diutamakan berbanding kebaikan dalam dirinya yang banyak! Kelihatan amat bodoh apabila batu-batu kecil yang tidak bernilai lebih diberi perhatian berbanding keagungan iman dan Islam yang ada di dalam dirinya. Tindakan ini adalah satu kezaliman yang besar.

TERHALANGNYA RAHMAT

Ada ketikanya batu-batu kecil ini sangat diutamakan sehingga dibesar-besarkan. Permusuhan semakin lebar sehingga sanak saudara dan kawan-kawannya turut dimusuhi. Keadaan semakin buruk apabila disebarikan pula kekurangan itu dengan mengumpat dan cuba menjatuhkan saudara itu. Nikmat-nikmat atau kelebihan yang diperolehi saudara itu kelihatan tidak kena dan dicemburui. Malah berasa gembira pula apabila saudara itu ditimpa musibah. Di dalam sebuah hadis Rasulullah SAW bersabda: *"Tidak beriman seseorang daripada kamu sehingga dia mengasihi saudaranya seperti mana dia mengasihi dirinya sendiri."* (Riwayat Bukhari dan Muslim)


Ketahuilah sifat ini ertinya berpaling daripada qudrat dan rahmat Ilahi. Hasad dengki terhadap nikmat-nikmat yang dikurniakan Allah kepada saingannya bererti dia mengecam takdir dan mengecam rahmat. Orang yang mengecam rahmat sudah tentu terhalang daripada rahmat.

Sekiranya benar ingin bermusuhan, bermusuhlah dengan musuh di dalam hati iaitu nafsu amarah dan hawa nafsu bukan bermusuh dengan seorang Mukmin. Jika ingin berseteru, orang kafir dan zindik amat ramai untuk dimusuhi. ☞

PAKAIAN HAJI / UMRAH




BAJU KURTA LELAKI PUTIH DAN HITAM



JUBAH MINI & SELUAR (KAIN T-SHIRT COTTON) SAIZ:XS - 6XL



TELEKUNG ZIARAH LYCRA FREE SIZE - RM65 XTRA LABUH (XL) - RM80



TELEKUNG LYCRA PUTIH

PEN PINTAR PEMBACA QURAN DAN EDU KIDS DOA HAJI/UMRAH DAN TASBIH DIGITAL

Kini kanak-kanak boleh mempelajari 4 Bahasa: BM, BI, Arab & Mandarin serta mengaji Qur'a



PEN PINTAR EDU KIDS RM250

100% GUARANTEE

RM85.00 SAHAJA

HARGA ISTIMEWA RM250.00

- Mendapat Kelulusan KDN: PQ/Q.1001/2.2/QC/409/43/2012. PQ/Q.1001/2.2/QC/484/35/2013.
- 2 Qari; Al-Hudhaifi dan Al-Fasy.
- Memperbesar suara terbina dalam.
- Menggunakan rechargeable lithium battery.
- Terdapat terjemahan Bahasa Melayu.
- Pakej ini mengandungi naskah Al-Quran (A5 & A4), buku asas mukadam, bacaan doa harian dan solat serta Haji/Umrah, talking dictionary serta hadis al-Bukhari.

RM1800 UPAH HAJI
019-7117632

T-shirt Muslimah "Sopan dan Selesa"



Dari saiz XXS hingga saiz BESAR 6XL

BAJU RENANG MUSLIM & MUSLIMAH

Memenuhi Tuntutan Syariah & Kolam Renang Awam

KINI DI PASARAN, baju renang untuk kanak-kanak dan lelaki dewasa.

Istimewa Untuk Kanak-Kanak & Wanita Muslimah

Saiz S, L, M, XL, XXL, XXXL, XXXXL, 5XL & 6XL

Harga Dewasa: Dari RM190

Harga Kanak-Kanak: Dari RM100

STOKIS & PENGEDAR DIPERLUKAN



Diedarkan: **AL IKHWAH ENTERPRISE**

(Pemborong Baju Renang Muslim/Muslimah)

(Pemborong serta Pengedar Kelengkapan Haji & Umrah dan Jacket Eksekutif)

52-01 Jalan Suria 2, Bandar Seri Alam, 81750 Masai, Johor.

H/P: **019-7117632** Faks: **07-252 6089**

Web: www.alikhwah.net • www.alikhwah2u.com (Belian atas talian)

Emel: info@alikhwah.net

Haji Khairuddin Mohd Yatim 019-7117632

PENGEDAR: K.LUMPUR/SELANGOR: **Maju Junction** Azlina (016-4966711) **Bangsar** Pn Laily (016-6806816) **Cheras** Hjh Nor (017-3908322) **Ampang** Ustaz Syazrul (0111-5648856) **Ampang Axis** Sarina (012-2860639) **Setiawangsa** Junaidah (017-2328117) **Gombak/UIA** Azizah (019-2032144) Sarimah (012-3120892) **Putrajaya** Nurul (019-6663402) **Shah Alam** Hamidah (016-3746577) **Kelana Jaya** Hafiza (012-3847479) **Bangi/Kajang** Hajar (019-3899919) **Sepang/Giant Nilai** Faridah (016-3397304) **Banting** Rahimah (013-2294841) **Kuala Selangor** Hj Yusof (013-3451822) **N.SEMBILAN/Seremban** Kaizah (012-3505476) **Giant Senawang** Noratiza (012-6112462) **Kompleks PKNS** Salina (012-6380559) **Gemencheh** (019-3717192) **MELAKA** Noor (019-6697114) **JOHOR:** **Gelang Patah** Marshita (019-7651730) **Pasir Gudang** (019-717 632) **Kip Mart Masai** Hafiz (013-7956945) **Kota Tinggi** Saniah (013-7472616) **Bandar Penawar** Hakim (019-7959087) **Skudai** Ramlee (019-7773356) **Kulai** Zaimah (013-7349093), Iza (017771792) **S.Renggam** Hasrin (019-7511801) **Pontian** Fendi (016-7117632) **Batu Pahat** Shamsul (013-7272787) **Labis** Hj Zaidi (012-7140367) **Segamat** Akmal (017-7937994) **Muar** Hj Rahsidah (013-6472167) **PERAK:** **Teluk Intan** (016-5401410) **Ipoh** Sofia (019-2664590) **Amir** (014-3060650) **Sri Iskandar** Laili (016-4442872) **Mazaliza** (012-5291578) **Manjung** (012-5189171) **Ayer Tawar** Khusairi (012-5672757) **Kuala Kangsar** (019-5690087) **KEDAH:** **Sg.Petani** Syiha (013-4892160) **Alor Setar** Intan (019-4515840) **Jitra** (019-5236061) **TERENGGANU:** **Giant K.Terengganu** Sabariah (019-9360815) **SARAWAK:** **Kuching** Waty (019-8884949) **Bintulu** Azah (019-8180101) **SABAH:** **Keningau** Subinih (019-8113381) **Ranau** Norliha (013-8772588) **Lahad Datu** Hj Jamaliah (013-9640094) **Sandakan** (013-5512504) **Anis** (013-8538297) **Tawau** Ust Roslan (019-8430021) **1Borneo** KK (017-8208600)